

Kaedah basmi kemiskinan

Oleh HABIBAH OMAR

(WARTAWAN UTUSAN)

Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, kemiskinan merupakan satu 'penyakit epidemik' dengan hampir 7.4 juta penduduk negara ini yang kebanyakannya menetap di kawasan luar bandar berada di dalam kelompok berkenaan.

Pada masa itu, hanya getah menjadi tulang belakang ekonomi negara namun penanaman getah mula kehilangan daya saing di pasaran, apabila getah sintetik diperkenalkan.

Keadaan itu sekali gus menyebabkan harga getah asli jatuh mendadak di pasaran.

Hanya selepas Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang dianggap sebagai arkitek negara melihat kepada keperluan untuk mempelbagaikan ekonomi negara, maka barulah negara mula beralih kepada penanaman kelapa sawit.

Peralihan

Peralihan ini terpaksa dilakukan untuk meningkatkan ekonomi penduduk miskin supaya mereka tidak hanya bergantung kepada pengeluaran susu getah semata-mata.

Biarpun sebelum ini penanaman kelapa sawit telah bermula di negara ini sejak 1917, namun kerja-kerja pengeluaran berskala besar hanya dimulakan sejak 1960 dan berkembang pesat dari 320,000 hektar pada 1970 kepada 4 juta hektar pada 2005.

Daripada jumlah berkenaan, 16 peratus diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) sementara 24 peratus lagi diusahakan oleh individu dan melalui skim-skim lain.

Berdasarkan perkembangan itu, Malaysia yang sebelum ini diabaikan pada za-

Mengikut laporan Program Pembangunan

Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) mengenai 'Perdagangan Antarabangsa, Pertumbuhan, Pengurangan Kemiskinan dan Pembangunan Sumber Manusia', pada tahun 1985, tujuh peratus daripada keluarga di Malaysia dikategorikan sebagai miskin.

man koloni, telah bangkit dengan memberikan penekanan kepada keseimbangan untuk semua populasi komuniti yang menetap di negara ini.

Malah pembangunan Malaysia telah menjadi ikutan dan model kepada ASEAN selain sikap keterbukaan terhadap perdagangan antarabangsa yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi kira-kira 7 peratus setahun dan pengurangan kepada kemiskinan.

Jika dibanding dengan beberapa negara lain di rantau ini, ada di antara mereka tidak berjaya memanfaatkan pertumbuhan yang dihasilkan daripada sektor perdagangan.

Mengikut laporan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) mengenai 'Perdagangan Antarabangsa, Pertumbuhan, Pengurangan Kemiskinan dan Pembangunan Sumber Manusia', pada tahun 1985, tujuh peratus daripada keluarga di Malaysia dikategorikan sebagai miskin.

Laporan berkenaan dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 4 Julai lalu.

Laporan seterusnya menyebut, menjelang 2004, jumlah itu menurun kepada kurang daripada satu peratus.

Persoalannya, apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada pengurangan jumlah kemiskinan di negara ini?

Menurut laporan berkenaan, Malaysia menggunakan dua pendekatan untuk membasmi kemiskinan iaitu melaksana-

kan program bagi meningkatkan pembangunan manusia.


Antara pembangunan yang dijalankan ialah:

- Pelaksanaan skim pembangunan tanah iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan membangunkan tanah pertanian sedia ada melalui penggabungan tanah.
- Memastikan harga tertentu untuk pembelian padi daripada pesawah.'
- Sokongan pendidikan termasuk menyediakan bantuan kewangan, buku teks dan makanan.
- Program kesihatan yang disasarkan kepada penduduk luar bandar.
- Penyediaan pinjaman mikro kredit oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk golongan miskin terutama di kawasan luar bandar.

Laporan

Di dalam laporan itu juga ada digariskan satu lagi pendekatan iaitu polisi ekonomi terbuka Malaysia yang telah membantu mengurangkan kemiskinan itu kerana dasar perdagangan liberal telah menyediakan kerajaan dengan sumber-sumber untuk melaksanakan program prokemiskinan.

Bagaimanapun, laporan itu menyebut biarpun dasar ekonomi terbuka itu telah membantu ke arah pengurangan kemiskinan namun ia mendedahkan kepada naik



turun dan kejutan luaran kepada ekonomi negara.

Sementara itu, krisis kewangan Asia yang bermula pada 1997 merupakan contoh bagaimana kejutan luaran boleh memberikan kesan kepada ekonomi terbuka iaitu pada Ogos 1998, Ringgit Malaysia telah mengecut sebanyak 40 peratus berbanding Dolar Amerika Syarikat dan berikutan krisis berkenaan, pendapatan isi rumah di negara ini telah menurun.

Walaupun kemiskinan kekal di tahap yang sama, namun ketidaksamaan pendapatan isu rumah telah kelihatan dengan ketara.

Perkara-perkara berkenaan adalah risiko terhadap keterbukaan ekonomi akibat kejutan dari luar dan sebab itu keperluan untuk mempunyai jaringan yang selamat adalah penting untuk mengurangkan kesan kepada kemiskinan di dalam masyarakat.